

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN
[SUBANG]
TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 67

Y.B. TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan justifikasi mengenai peningkatan cukai rokok dalam dasar kementerian selari dengan standard yang telah ditetapkan oleh Framework Convention on Tobacco Control (FCTC).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menjalankan kajian semula kadar duti/cukai ke atas rokok dan produk tembakau dari semasa ke semasa selaras dengan konsep yang digunapakai oleh Kerajaan termasuk di peringkat antarabangsa iaitu untuk tidak menggalakkan penggunaan produk yang dikategorikan sebagai *demerit goods* yang dikenakan *sin tax*.

Sebagai salah sebuah negara yang menyertai perjanjian kepada *World Health Organisation Framework Convention On Tobacco Control* (WHO FCTC), Malaysia komited dengan saranan yang telah ditetapkan oleh badan antarabangsa tersebut antaranya dengan menggunakan langkah percukaian serta kawalan harga yang merupakan salah satu kaedah penting dan berkesan dalam mengawal tabiat merokok. Pada masa ini, komponen cukai secara purata berbanding harga jualan rokok adalah dianggarkan sebanyak 52%, berbanding kadar yang disyorkan oleh WHO FCTC iaitu sebanyak 70% daripada harga jualan. Namun demikian, tiada tempoh masa yang ditetapkan WHO FCTC untuk negara pejanji mencapai kadar yang disyorkan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, penstrukturan semula kadar duti/cukai ke atas rokok dan produk tembakau telah dilakukan secara berperingkat-peringkat dari semasa ke semasa. Kali terakhir penstrukturan semula kadar duti/cukai telah dilaksanakan pada tahun 2015 di mana kadar duti eksais telah dinaikkan daripada kadar asal yang dikenakan secara *ad valorem* kepada kadar spesifik yang lebih tinggi iaitu 40 sen sebatang. Dengan peningkatan kadar duti eksais ini, ia telah memberi kesan langsung kepada kenaikan harga jualan rokok dan produk tembakau di pasaran. Namun begitu, peningkatan harga yang ketara turut memberi impak negatif terhadap peningkatan permintaan produk rokok tidak sah di pasaran.

NO SOALAN : 67

Sehubungan itu, sebarang perancangan bagi kenaikan kadar duti/cukai ke atas rokok dan produk tembakau pada masa akan datang memerlukan kajian menyeluruh dengan mengambil kira keadaan pasaran serta langkah-langkah penguatkuasaan bagi membendung aktiviti penyeludupan serta bekalan produk tidak sah ekoran perbezaan harga yang tinggi dengan produk yang sah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]

TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 68

DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah Kementerian bagi menyekat wabak penyakit cacar monyet (*monkeypox*) yang telah menyerang Batam, Indonesia dan Singapura tidak akan merebak ke negara ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Penyakit *monkeypox* adalah endemik di kawasan tengah dan barat Benua Afrika termasuk Nigeria dan Congo. Sejak tahun 2003 sehingga Mei 2019, hanya 50 kes jangkitan *monkeypox* dilaporkan berlaku di luar Benua Afrika. Kesemua kes ini berpunca dari pendedahan di benua tersebut atau melibatkan pengimportan haiwan perumah virus *monkeypox* dari kawasan endemik jangkitan ini seperti tikus gergasi Gambia (*Gambian giant rats*). Lima puluh (50) kes tersebut dilaporkan berlaku di Amerika (47 kes), United Kingdom (dua (2) kes), Israel (satu (1) kes) dan Singapura (satu (1) kes).

Virus *monkeypox* ditularkan kepada manusia melalui gigitan atau sentuhan langsung dengan darah binatang atau cecair badan haiwan yang dijangkiti. Virus ini juga boleh disebarkan melalui titisan pernafasan serta melalui kontak langsung dengan cecair tubuh orang

yang dijangkiti atau dengan objek seperti tempat tidur atau pakaian yang tercemar dengan virus dari lepuh kes jangkitan. Walau bagaimanapun, kemungkinan penularan jangkitan manusia ke manusia adalah terhad. Tiada rawatan atau vaksin khusus untuk jangkitan *monkeypox*.

Yang di-Pertua,

Kejadian kes *monkeypox* di Malaysia juga boleh berlaku sekiranya individu mengembara ke negara endemik penyakit dan mempunyai kontak dengan haiwan yang mempunyai virus ini atau memakannya, dan masuk ke negara kita. Memandangkan tempoh inkubasi jangkitan adalah antara enam (6) ke 21 hari, kebarangkalian mereka menunjukkan gejala ketika baru tiba ke Malaysia adalah amat rendah kerana lazimnya mereka akan mengembara dalam keadaan sihat. Justeru, saringan di pintu masuk bagi *monkeypox* adalah tidak berkesan. Saringan rutin gejala demam menggunakan *thermal scanner* masih diteruskan di pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) bagi mengesan kes menghidap penyakit berjangkit umum.

Isolasi kes dijangkiti *monkeypox* dan mengelakkan kontak dengannya adalah cara berkesan untuk menghalang penularan virus *monkeypox* ini. Hospital sedia ada yang digunakan untuk isolasi kes avian influenza (AI) dan jangkitan MERS-Cov akan digunakan bagi mengisolasi sebarang kes disyaki dijangkiti *monkeypox*. Mekanisma pengesanan kontak, kawalan dan kuarantin ke atas mereka juga akan menggunakan strategi yang sama untuk penyakit-penyakit baru muncul seperti SARS manakala untuk ujian diagnosa *monkeypox*, Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) mempunyai kemampuan tersebut.

Dengan kapasiti, kemampuan dan strategi sedia ada bagi kawalan penyakit berjangkit baru muncul, KKM mampu mengelakkan penularan jangkitan virus *monkeypox* di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI
BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

TARIKH : 17 JULAI 2019

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perincian statistik sindiket pelancongan skim piramid yang mengakibatkan kerugian jumlah yang besar dalam kalangan mangsa termasuklah pakej umrah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian sedia maklum mengenai kewujudan perusahaan pelancongan yang menjalankan perniagaan melalui kaedah skim piramid bagi tujuan pakej percutian termasuklah bagi pakej umrah atau ziarah sehingga menjejaskan kepentingan awam.

Kes penipuan ini yang melibatkan penipuan pakej pelancongan berbentuk skim piramid merupakan satu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574). Perkara ini berada di bawah bidang kuasa pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). Dalam hal ini, pihak Kementerian sentiasa bekerjasama dengan PDRM dalam menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya ke atas perusahaan tersebut selaras dengan bidang kuasa Kementerian di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482].

NO. SOALAN : 69

Dua (2) kes skim piramid yang telah dikenalpasti di mana pihak Kementerian bekerjasama dengan PDRM adalah skim berkaitan pakej umrah iaitu:

- a) Yayasan Bakti Negara Terengganu; dan
- b) *Mecca fund*.

Kedua-dua skim ini telah dijalankan oleh syarikat yang tidak berlesen dengan Kementerian. Manakala bagi syarikat-syarikat yang berlesen dengan Kementerian pula, pihak Kementerian telah mengambil tindakan berikut :-

- a) **membatalkan lesen** bagi **lima (5) syarikat pengendali pakej umrah**; dan
- b) **menggantung satu (1) syarikat pelancongan** yang disyaki menjalankan perniagaan melalui kaedah skim piramid.

Tindakan berkenaan diambil berdasarkan faktor-faktor berikut iaitu syarikat:

- a) menjalankan perniagaannya mengikut cara yang memudaratkan kepentingan orang awam, industri pelancongan atau ekonomi negara (Seksyen 8(1)(d) Akta 482); dan
- b) tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk menjelaskan liabilitinya (Seksyen 8(1)(f) Akta 482).

Lima (5) buah syarikat yang telah dibatalkan lesen tersebut bermula dari tahun 2010 hingga 2017 adalah:

- a) Ukhwah Firdausi Travel & Tours Sdn. Bhd. (2017)
- b) Madain Al Taqwa Travel & Tours Sdn. Bhd. (2015)
- c) Seven Seas Travel & Tours Sdn. Bhd. (2013)
- d) Qaisar Travel & Tours Sdn. Bhd. (2010); dan
- e) Hijjaz Legend Travel & Tours Sdn. Bhd. (2010)

Manakala syarikat yang telah digantung lesen perniagaannya pada tahun 2019 adalah syarikat Want-to-Go Holiday Sdn. Bhd. Sekian, terima kasih.